KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	UTUSAN			
TARIKH	10.03.22	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	UMUM			

Lihat burung liar di Taman Negara Kuala Tahan

BIRD Group Taman Negara (BGTN) dan Komuniti Kuala Tahan dengan kerjasama Kolej Komuniti Jerantut (KKJ) akan mengadakan program Taman Negara Bird Count (TNBC) di Tembeling Hornbill Valley Kuala Tahan, Jerantut pada 11 - 13 Mac 2022 ini.

Setiausaha TNBC 2022, Sabri Abdullah berkata, program melihat burung liar hutan tropika itu akan dikendalikan sepenuhnya oleh Komuniti Kuala Tahan berasaskan konsep CBET (Community Based Eco-Tourism) seperti yang diadakan sebelum ini.

Menurut Sabri, KKJ merupakan rakan strategi program ini sejak tiga tahun lalu turut membantu aspek promosi, rekabentuk pentas, sijil penyertaan serta penyertaan penuntut kolej ini.

■ ROSLAN Abu Kassim (kanan), bersama Zool Fazlee Nasir (dua dari kiri) bersama ahli jawatankuasa program Taman Negara Bird Count 2022 selepas perbincangan di Kolej Komuniti Jerantut, Jerantut, Pahang baru-baru ini. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

